



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/01/09_01 (HQ)

PILIHAN KEPADA PEMILIK PREMIS UNTUK TUKAR NAMA

Berdasarkan rekod **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, sebahagian pemilik premis kediaman dan komersial ada menyewakan premis mereka. Pemilik premis mempunyai pilihan untuk membuat Pertukaran Nama Akaun (Change of Tenancy atau COT) ke atas nama penyewa dalam tempoh penyewaan bagi memastikan pengurusan akaun yang lebih teratur selain menjaga kepentingan pemilik premis.

Dengan penukaran nama pemilik akaun kepada penyewa, semua tanggungjawab penggunaan dan pembayaran bil elektrik adalah di bawah tanggungjawab penyewa.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, "TNB memberi kemudahan untuk membuat COT melalui portal myTNB di www.mytnb.com.my atau dengan mengunjungi Kedai Tenaga yang berdekatan. Maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan bagi pertukaran nama juga boleh diperoleh di portal myTNB.

"Manakala, pemilik premis masih boleh memantau penggunaan dan pembayaran bulanan penyewa dari semasa ke semasa melalui portal dan aplikasi myTNB," katanya.

Berkenaan aduan pemilik premis selaku pengguna berdaftar yang dibebani bil elektrik berikutan penemuan kesan-kesan pengusikan meter atau pepasangan TNB oleh penyewa pengusaha Bitcoin, Megat berkata, "Cadangan langkah di atas boleh mengurangkan risiko pemilik premis terpaksa menanggung hutang bil elektrik penyewa. Pada masa yang sama, kami sentiasa membuka ruang kepada pengguna untuk berjumpa bagi mendapatkan penerangan dan perbincangan lanjut."

Pihak pengguna juga digalakkan untuk menghubungi TNB CareLine di talian 1 300 88 5454 bagi sebarang pertanyaan atau menempah janji temu untuk ke Kedai Tenaga di <https://www.mytnb.com.my/tnbtemujanji>.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 9 Januari 2022, jam 10:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan